

**TUN HADIR, PM TIDAK
HADIR**



**TEKS UCAPAN ALUAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
MALAM GALA 'MAGIC OF THE NIGHT' 2022
(MADANNA DI BUMI BERTUAH)
TARIKH: 6 OGOS 2022 (SABTU) | JAM: 8.20 MALAM
DI DATARAN SUNGAI MELAKA, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,

Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia dan Salam Keluarga
Malaysia.

Terima kasih pengacara majlis,

**KEHADAPAN YANG DIKASIHI;
TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.) HAJI
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM,
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA; DAN**

**YANG AMAT BERBAHAGIA,
TOH PUAN DATUK WIRA (DR) HJH ASMAH BT AB
RAHMAN,**

1. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka dan YABhg. Toh Puan di atas kesudian untuk hadir pada **Majlis Perasmian Malam Gala ‘Magic Of The Night’ 2022 Dengan Tema Madanna Di Bumi Bertuah.**

***RIMBUN SUBUR SEPOHON JATI,
BUNGA KESIDANG KEBANGGAAN NEGERI;
KEHADIRAN TUN DAN TOH PUAN AMAT BERERTI,
MENJADIKAN MAJLIS BERTAMBAH SERI.***

2. Sesungguhnya, kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang yang di-pertua negeri terhadap rakyat jelata di samping keprihatinan terhadap peradaban industri seni, budaya dan warisan Negeri Melaka.

TUAN YANG TERUTAMA TUN,

3. Seterusnya, izinkan saya untuk berucap kepada para hadirin dalam majlis yang berbahagia ini.

SALUTASI

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI
MUSA,
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA;**

**YB DATUK SERI DR. SANTHARA J.P,
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MEWAKILI MENTERI PELANCONGAN, SENI
DAN BUDAYA MALAYSIA;**

**YB DATUK WIRA HJ. IBRAHIM BIN DURUM,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YB AHLI-AHLI EXCO KERAJAAN NEGERI MELAKA,
YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA,**

SETERUSNYA, DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Subhanallahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta inayah-Nya, kita terus diberi kesempatan untuk sama-sama menjayakan sambutan **Malam Gala 'Magic of The Night' 2022 yang bertemakan 'Madanna di Bumi Bertuah'** pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) kerana menjemput saya hadir untuk bersama-sama memeriahkan sambutan Program *Magic of The Night* yang bermula pada 5 hingga 7 Ogos 2022 sekali gus menyempurnakan majlis pada petang ini.

**Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

3. Saya berasa sangat bersyukur dan bertuah kerana Negeri Melaka dipilih sebagai tuan rumah penganjuran program yang julung kali diadakan ini. Sesungguhnya, sambutan ini amat bermakna bagi Negeri Melaka, setelah dua tahun kita tidak dapat mengadakan aktiviti berskala besar dan secara fizikal seperti ini.

4. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir sepanjang program ini berlangsung di Negeri Melaka terutamanya yang datang dari luar Negeri Melaka.

Sudah tentu, dengan kehadiran ini akan menjadikan program *Magic of The Night 2022* lebih bermakna dan lebih meriah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak besar kepada persekitaran ekonomi dunia termasuk Malaysia. Natijahnya, Negeri Melaka turut mencatatkan penyusutan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada positif 2.9 peratus pada 2019 kepada negatif 5.9 peratus pada tahun 2020.

6. Negeri Melaka sememangnya terkenal dengan kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara. Statistik menunjukkan bahawa kadar kedatangan pelancong keseluruhan ke Negeri Melaka tahun **2019** adalah seramai **18,727,337** orang telah menyusut kepada **2,665,291** orang pada tahun **2021**.

7. Manakala statistik kedatangan pelancong domestik tahun **2019** adalah seramai **13,029,221** orang menyusut kepada **2,590,509** orang pada tahun **2021**. Pelancong asing pula seramai **5,698,116** pada

tahun 2019 telah menyusut kepada **74,782** pada tahun 2021.

8. Sebagaimana yang kita semua maklum, Negeri Melaka pernah tercatat dalam sejarah tanah air dan peta dunia lebih 700 tahun yang lalu sebagai sebuah empayar yang bukan sahaja terkenal di Nusantara malah seantero dunia.
9. Dahulu, Melaka memang sudah terkenal sebagai pusat perdagangan tersohor dunia, sehingga digelar "***Venice of The East***". Sekarang, Kerajaan Negeri

mahu mengembalikan kegemilangan tersebut, bahkan lebih daripada itu.

10. Sehubungan dengan itu, antara fokus dan usaha Kerajaan Negeri ialah untuk menjadikan Negeri Melaka kekal sebagai negeri bersejarah yang menjadi daya tarikan utama kehadiran pelancong sejajar dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035) di bawah Flagship 6 iaitu memperkasa Melaka sebagai negeri pelancongan yang terunggul di rantau ini.

**Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian,**

11. Saya difahamkan program *Magic of The Night 2022* yang dianjurkan oleh MOTAC ini dilihat dapat memberi impak besar dalam menyerlahkan seni dan budaya Keluarga Malaysia. Saya percaya, inisiatif ini dapat merancakkan kembali perkembangan ekonomi negara dan industri pelancongan di negeri Melaka, selain turut mempromosi industri seni dan budaya tempatan dengan pelbagai kaum sebagai satu produk

pelancongan yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

12. Saya juga dimaklumkan, pelbagai pengisian aktiviti dan program yang cukup menarik sepanjang berlangsungnya program *Magic of The Night 2022* ini. Semua pengisiannya juga bertepatan dengan adat warisan, seni dan budaya yang terdapat di Negeri Melaka. Justeru, saya menyeru kepada semua warga Negeri Melaka dan yang berada di luar Negeri Melaka untuk sama-sama menyokong dan menyertai program yang julung kali diadakan ini bagi

memperhebat industri pelancongan, seni dan budaya di sini.

13. Mudah-mudahan dengan komitmen yang padu oleh semua pihak tanpa mengira kaum, fahaman politik, pegangan agama serta adat dan budaya, nescaya akan dapat menjadi tonggak utama melahirkan Negeri Melaka yang makmur dan sejahtera bersama.

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. Walaupun kita telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik COVID-19, dalam kegembiraan kita meraikan program *Magic of The Night 2022* ini, janganlah kita lupa untuk terus menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) memandangkan virus COVID-19 belum reda. Saya berdoa semoga wabak COVID-19 ini diangkat oleh Allah SWT dan bumi Melaka kembali makmur, rakyatnya sejahtera untuk kita terus meraih keamanan di bumi bertuah Malaysia ini.

***HEBAT LAKSAMANA DATUK HANG TUAH,
TULIS RENCONG BERKELOK SENINYA,
MELAKA MADANNA DI BUMI BERTUAH,
MENGAMIT PELANCONG SELURUH DUNIA.***

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada para hadirin sekalian,

15. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian hadir pada hari ini. Saya dan keluarga, serta barisan kepimpinan negeri dan seluruh

rakyat Negeri Melaka mendoakan Tuan Yang Terutama Tun serta keluarga dilimpahi rahmat daripada Allah SWT dan sentiasa berada dalam keadaan sihat untuk menerajui negeri ini, dilanjutkan usia dan dimurahkan rezeki sentiasa.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.